

15) PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

Adun : Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Senaraikan lokasi tanah dan nama-nama pemaju projek kediaman mampu milik yang telah diluluskan oleh Lembaga Perumahan Selangor LPHS untuk ditukar dan diganti dengan lokasi yang berbeza daripada kelulusan asal LPHS sejak tahun 2021 sehingga tahun 2025?

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat empat (4) projek rumah mampu milik (Rumah Selangorku) yang terlibat dengan pemindahan tapak untuk ditukar dan diganti dengan lokasi yang berbeza daripada kelulusan asal. Berikut merupakan perincian projek yang terlibat:

Bil.	Projek / Pemaju	Alasan Permohonan	Kelulusan MMKN
1.	PT 44921 dan PT 4922 Ke Lot 1077, Lot 1936 Dan Sebahagian PT 29946, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat Oleh Tetuan Suria Villa Sdn. Bhd.	Lokasi tapak asal yang berdekatan dengan jalan utama sedia ada yang sibuk serta keluasan tapak yang kurang efisien.	16 Februari 2022
2.	Lot 10070, Mukim Batang Kali Ke Lot 332 Mukim Ampang Pechah, Daerah Hulu Selangor Oleh Tetuan Parade Design Sdn. Bhd.	Kawasan baru ini lebih mendapat sambutan dan terletak di dalam pembangunan yang sediada serta lengkap dengan kemudahan.	16 & 17 Jun 2023

Bil	Projek	Alasan Permohonan	Kelulusan MMKN
3.	PT 146368 (Sebahagian Lot 10344) Dan PT 146369 (Sebahagian Lot 10344 Dan Lot 10346), Jalan Bentara 55, Taman Sentosa Dan Lot 10343, Jalan Temenggung Ke Lot Baru Di Atas Sebahagian Lot 98936 (PT 92280) Dan Sebahagian Lot 87138, Lorong Temenggung 22B, Taman Sentosa Perdana, Mukim Klang Daerah Klang Oleh Tetuan Pembinaan Kesentosaan Sdn. Bhd.	Menempatkan kesemua Rumah Selangorku dan dibina secara berpusat di satu kawasan yang sama, rekabentuk dan saiz yang sama, kemudahan yang sama yang dapat mengurangkan kos pembinaan kepada pemaju.	31 Mei 2023
4.	PT 299 (HSD 1017), Mukim Kalumpang, Daerah Hulu Selangor Oleh Tetuan Millenium Arch (M) Sdn. Bhd.	Cadangan pembangunan Rumah Bandar Selangorku dengan saiz 22' X 60' ini secara langsung memberi ruang kediaman yang lebih luas dan selesa untuk didiami. Ianya juga akan memberi peluang kepada rakyat Selangor yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman yang selesa, selamat dan moden.	14 Mei 2025

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa kriteria yang harus dipatuhi oleh pemaju sebelum sesuatu projek Rumah Selangorku itu dipertimbangkan untuk dipindahkan, antaranya adalah seperti berikut :

- i) Tapak asal dan tapak baru (pemindahan) pembinaan Rumah Selangorku mestilah dimiliki oleh tuan tanah yang sama atau subsidi kepada syarikat induk;
- ii) Jarak radius di antara kedua- dua tapak adalah di dalam lingkungan 25 kilometer;
- iii) Pemindahan mestilah di dalam Daerah dan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sama;

Segala permohonan rayuan tukar lokasi ini perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku yang dipengerusikan oleh Exco Perumahan Dan Kebudayaan Negeri Selangor untuk dibincangkan bersama-sama dengan semua pihak / agensi teknikal berkaitan sebelum diangkat semula ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk pertimbangan.